



SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG PENANG PORT COMMISSION

TARIKH: 7 OGOS 2024

KEPADA: OPERATOR PELABUHAN, PEMILIK KAPAL, EJEN PERKAPALAN, EJEN PENGHANTARAN, PENYEWA GUDANG DAN SELURUH KOMUNITI PELABUHAN PULAU PINANG

PEKELILING PELABUHAN NO.7/2024

GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN PENGENDALIAN KARGO (GUDANG)

1. SKOP

- 1.1 Permohonan lesen ini terpakai kepada mana-mana syarikat yang pada masa ini adalah merupakan penyewa gudang di dalam kawasan Zon Bebas Komersil, Dermaga Air Dalam Butterworth untuk menjalankan aktiviti pengendalian kargo di gudang sahaja.

2. TATACARA PERMOHONAN

- 2.1. Permohonan baru atau permohonan pembaharuan Lesen Pengendalian Kargo (Gudang) ini hendaklah menggunakan borang seperti di **Lampiran A** yang boleh dimuat turun di laman sesawang www.penangport.gov.my
- 2.2. Borang permohonan yang lengkap diisi perlu disertakan bersama **dokumen-dokumen sokongan**.
- 2.3. Carta Alir prosidur lengkap permohonan lesen ini di Pelabuhan Pulau Pinang dapat dirujuk di **Lampiran B**.
- 2.4. Permohonan yang lengkap boleh dihantar terus melalui emel / serahan tangan kepada Pegawai SPPP yang berkenaan seperti berikut:

PEGAWAI UNTUK DIHUBUNGI

Nama Pegawai : En. Mohamad Shazwan Afwan bin Mohamad Ali
No Telefon : +6019-4020796
Alamat Emel : shazwan@penangport.gov.my

- 2.5. Hanya permohonan yang lengkap sahaja akan diproses oleh SPPP.
- 2.6. Tempoh sahlaku lesen adalah bermula daripada tarikh kelulusan Pegawai yang diberi kuasa sehingga **31 Disember** pada setiap tahun.
- 2.7. Tarikh akhir permohonan lesen baru/pembaharuan perlu dibuat sebelum atau selewat-lewatnya pada **30 September** pada setiap tahun.


- 2.8. Caj pembayaran yang akan dikenakan kepada setiap syarikat yang diluluskan permohonan Lesen Pengendalian Kargo (Gudang) adalah sebanyak RM5,000.00 setiap tahun.

3. TERMA DAN SYARAT LESEN

- 3.1. Kelulusan untuk menjalankan aktiviti yang dilesenkan adalah tertakluk kepada terma dan syarat seperti di Lampiran C.

**“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(Dato' Dr. Vijayandiaran a/l R. Viswalingam)
Pengurus Besar
Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang**



**BORANG PERMOHONAN LESEN
PENGENDALIAN KARGO (GUDANG)**

SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG

1. Nama Syarikat :
2. Alamat Syarikat :
.....
.....
.....
3. Nama Pengarah Urusan Beserta Nombor Telefon: :
4. Senarai Ahli Lembaga :
.....
.....
.....
.....
5. No. Pendaftaran SSM :
6. Tahun Ditubuhkan :
7. No. Tel :
8. No. Faks :
9. Email Rasmi :
10. No. Telefon Pegawai Perhubungan :

11. Jenis Komoditi/Aktiviti Dan Jenis Peralatan:

12. Adakah Syarikat Anda Berdaftar Dengan Human Resource Development Fund (Kementerian Sumber Manusia) ?

Jika Ya, Sila Beri No. Pendaftaran Syarikat:.....

13.Jumlah Pekerja :.....(warganegara Malaysia dan pekerja tetap)

(Sila perincikan maklumat pekerja di ruangan yang disediakan di bawah)

14.Senarai Latihan Yang Diberikan Kepada Pekerja :.....

(Sila perincikan maklumat senarai latihan di ruangan yang disediakan di bawah)

15.Sila Lampirkan Salinan Pas Keselamatan Pelabuhan Bagi Setiap Pekerja Sedia Ada.

16.Sila Lampirkan Penyata Kewangan Bagi Tiga (3) Bulan Yang Terkini.

17.Sila Lampirkan Dokumen Polis Insuran Stevedore Liability (Jumlah perlindungan RM500,000.00) dan Polis Insuran Workmen Compensation/Group Personal Accident.

Tandatangan :.....


Cop syarikat:

MAKLUMAT PEKERJA

SENARAI LATIHAN

Lampiran B

CARTA ALIR PROSIDUR PERMOHONAN LESEN PENGENDALIAN KARGO (GUDANG) DI PELABUHAN PULAU PINANG



Lampiran C

TERMA DAN SYARAT

- I. Tiada sebarang perkhidmatan seperti di Para 1.1 dibenarkan untuk dilaksanakan dalam Pelabuhan Pulau Pinang tanpa lesen yang telah diluluskan oleh Suruhanjaya dan masih dalam tempoh sahlaku;
- II. Pekerja-pekerja syarikat yang menjalankan aktiviti pengendalian kargo di gudang adalah terdiri daripada warganegara Malaysia dan juga berstatus tetap sahaja serta pekerja kasual adalah tidak dibenarkan.
- III. Lesen atau salinan lesen hendaklah sentiasa dipaparkan ketika perkhidmatan dijalankan dan hanya sah di Pelabuhan Pulau Pinang;
- IV. Pemegang Lesen hendaklah mempunyai polisi insurans dengan mana-mana syarikat insurans dan memastikan polisi perlindungan insurans tersebut meliputi:
 - a) Insurans liabiliti termasuk kepada kecederaan atau kematian pekerja syarikat atau pihak ketiga dan kenderaan yang terlibat dalam perkhidmatan yang dilesenkan; dan
 - b) Perlindungan insuran kepada bangunan, dermaga, struktur, peralatan dan mesin yang diberikan kebenaran oleh pihak Suruhanjaya bagi menjalankan perkhidmatan dengan jumlah perlindungan sekurang-kurangnya RM500.000.00.
 - c) Dokumen perlindungan insuran yang dikemukakan adalah *Policy Wording* iaitu dokumen versi penuh.
- V. Pemegang lesen adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan semasa berada di Pelabuhan Pulau Pinang-dan perlu memastikan perkhidmatan dijalankan mengikut garis panduan keselamatan yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya;
- VI. Pemegang Lesen hendaklah memastikan pada setiap masa mematuhi semua Undang-Undang berkuatkuasa di Malaysia;
- VII. Suruhanjaya tidak bertanggungjawab ke atas segala apa-apa tindakan saman, tuntutan, kerugian, kos kerosakan, kecederaan dan denda yang mungkin timbul ke atas mana-mana pihak samada secara langsung atau tidak disebabkan oleh perkhidmatan di Pelabuhan Pulau Pinang;

- VIII. Pemegang Lesen hendaklah memberikan indemniti dari segala bentuk dari dan terhadap semua tindakan, tuntutan, kos, kerugian, ganti rugi, denda dan perbelanjaan yang mungkin ditanggung oleh Suruhanjaya, dibayar atau atas apa-apa perkara yang disebabkan oleh perkhidmatan oleh Pemegang Lesen dan/ atau atas sebab sebarang kelalaian atau peninggalan atau tindakan oleh Pemegang Lesen, pekerja, ejen atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pemegang Lesen berkenaan dengan atau akibat dari sebarang kecuaian, peninggalan atau tindakan oleh Pemegang Lesen, pegawainya, ejen atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pemegang Lesen menyebabkan Pemberi Lesen tidak mematuhi undang-undang, undang-undang kecil, peraturan dan arahan;
- IX. Suruhanjaya berhak, pada bila-bila masa menurut budi bicaranya untuk membatalkan atau menggantung lesen selama tempoh dirasakan perlu jika didapati Pemegang Lesen memberikan maklumat palsu atau pelanggaran terma dan syarat yang ditetapkan;
- X. Terma dan Syarat bagi lesen akan diteliti, dikemaskini dan dimaklumkan kepada Pemegang Lesen dari semasa ke semasa. Suruhanjaya berhak membuat pindaan, penambahan atau membatalkan sebarang terma dan syarat lesen tanpa sebarang notis awal kepada pemegang lesen.

